

Harga petrol dijangka naik

11 AUG 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan AKMAR MOKHLES

KUALA LUMPUR 31 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kenaikan harga petrol yang akan berlaku adalah kecil dan tidak membebankan rakyat.

Perdana Menteri menjelaskan kenaikan itu tidak dapat dielakkan kerana kerajaan terpaksa menampung jumlah subsidi yang semakin meningkat akibat pertambahan penggunaan bahan api itu di dalam negara.

Beliau tidak menolak kemungkinan kenaikan itu akan dilaksanakan dalam jangka waktu terdekat.

"Harga petrol kalau naik pun tak banyak. Yang jadi masalahnya apabila ia naik satu peratus, orang nak naik barang-barang lain sebanyak itu juga.

"Itu tak kena kerana input petroleum ke dalam apa jua perniagaan yang mereka lakukan, begitu kecil dan paling banyak mungkin 10 peratus," katanya.

● Harga minyak kekal sepanjang Ogos — Muka 3

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menyelar sikap peniaga yang mencari alasan menaikkan harga barangan mereka secara berlebihan untuk mengaut keuntungan.

"Sedangkan kalau kerajaan kenakan kenaikan satu peratus dan kos petrol dalam perniagaannya ialah 10 peratus, ini bermakna mereka hanya perlu menaikkan harga barangan pada 0.1 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Program 'Utamakan Keluarga-Semakin Hari Semakin Sayang' anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, semasa lawatan iemaah menteri ke kementerian itu di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, mengenai cadangan kerajaan meningkatkan harga petrol secara berperingkat-peringkat.

Menurut Muhyiddin, langkah itu bertu-

Limat muka 4

Harga petrol dijangka naik

juan mengurangkan beban kerajaan menanggung jumlah subsidi sebanyak RM6 bilion setahun.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, kerajaan memang tidak beradang menghapuskan sama sekali pemberian subsidi petroleum.

Bagaimanapun, menurutnya, jumlah peruntukan untuk menampung subsidi itu semakin mengecil kerana rakyat di negara ini sekarang menggunakan lebih banyak petroleum daripada dulu.

Dengan memberi contoh, beliau berkata:

"Dulu kita gunakan 300,000 tong satu hari dan kita keluarkan 650,000 tong sehari. Jadi kita jual 350,000 tong dan kita dapat keuntungan daripada gunanya dan gunakan untuk subsidi 300,000 tong itu.

"Sekarang ini kita gunakan 550,000 tong satu hari dan kita cuma mempunyai 100,000 tong untuk jual. Daripada 100,000 tong yang kita jual, kita tak dapat duit banyak sedangkan kita kena subsidi jumlah minyak yang lebih banyak."

Dalam hal ini, menurut Perdana Menteri, kerajaan

akhirnya terpaksa mengambil daripada sumber lain untuk menampung subsidi petroleum.

Justeru untuk menangani jumlah subsidi yang bertambah akibat penggunaan petroleum yang semakin meningkat, katanya, kerajaan terpaksa menaikkan sedikit harga petrol.

Ditanya bila kenaikan itu akan berlaku, Dr. Mahathir berkata, ia masih belum ditentukan.

"Tak tahulah, kita ada menyemak harga petrol dan sekarang ini pun dilakukan tiap-tiap bulan. Te-

tapi kita tak naik harga lagi," katanya.

Kenaikan terakhir harga petrol dan diesel ialah pada 1 Mei lalu iaitu sebanyak dua sen.

Ini menjadikan harga petrol jenis RON 97 (premium) dan RON 92 (regular) masing-masing RM1.32 seliter dan RM1.28 seliter manakala harga diesel menjadi RM0.72 seliter.

Oktober lalu, harga petrol dinaikkan sebanyak 10 sen seliter yang diumumkan semasa pembentangan Belaniawan 2002.